



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545
Faks : 603-8889 5542
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 17/2012 (22 hingga 28 April 2012)

Sejumlah 453 kes demam Denggi telah dilaporkan sepanjang minggu ke-17 berbanding 450 kes pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Jumlah terkumpul kes Denggi bermula dari Januari sehingga 28 April 2012 adalah 8,404, meningkat sebanyak 22% atau 1,541 berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Negeri Selangor telah melaporkan jumlah kes dan kematian Denggi yang tertinggi iaitu 3,777 kes dengan 9 kematian, meningkat 51% atau 1,280 kes berbanding 2,497 kes dengan 3 kematian pada tahun 2011. Negeri-negeri lain yang menunjukkan peningkatan kes Denggi yang ketara pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 ialah WP Kuala Lumpur & Putrajaya yang meningkat sebanyak 369 kes (68%), Kelantan 206 kes (81%), Kedah 107 kes (67%), Melaka 79 kes (49%) dan Perlis yang meningkat sebanyak 45 kes (180%).

Sejumlah 85 lokaliti mengalami wabak di seluruh negara melibatkan 21 daerah dan terdapat dua (2) lokaliti *hot spots*. Dua lokaliti *hot spots* tersebut adalah di WP Kuala Lumpur iaitu di Kuarters Kakitangan ATM (Jalan U-Thant), zon Pusat Bandar dan Asrama Institut Pengajian Bahasa Melayu, zon Klang Lama dengan jumlah keseluruhan sebanyak 28 kes. Justeru itu, semua masyarakat di

kawasan wabak Denggi perlu mengambil sikap yang proaktif untuk membersih, mencari dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes di sekitar kawasan masing-masing. Bagi jiran tetangga yang masih leka dan tidak ambil peduli, sama-sama lah saling ingat mengingati antara satu sama lain supaya bersama turut serta dalam aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi.

Pada masa yang sama, sebanyak 80,097 premis telah diperiksa di seluruh negara dengan 1,491 premis terdapat pembiakan Aedes. Negeri yang mempunyai kadar pembiakan tertinggi adalah negeri Perlis (10.24%), Kedah (4.74%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (3.03%), Pulau Pinang (3.01%), Selangor (2.93%), Johor (2.35%), Sarawak (1.55%), Pahang (1.51%) dan Negeri Sembilan (1.26%). Kadar Pembiakan Aedes di tapak binaan adalah yang tertinggi dijumpai berbanding dengan premis-premis yang lain, iaitu 14%. Negeri yang mempunyai pembiakan yang tinggi di tapak binaan adalah Pulau Pinang, Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya. Sehubungan dengan itu, sebanyak 29 kompaun dengan nilai RM14,500 telah dikeluarkan terhadap tapak-tapak binaan tersebut di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Semua pemaju kontraktor perlu melantik Operator Kawalan Serangga (PCO) bagi melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan nyamuk Aedes di tapak binaan masing-masing pada setiap minggu.

DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

30 April 2012

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2012
(22 hingga 28 April 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2011
		Minggu 17 (22 – 28 April 2012)	Minggu 16 (15 – 21 April 2012)		
1	Perlis	2	4	70	25
2	Kedah	23	21	267 (1)	160
3	P. Pinang	13	19	305 (1)	651 (1)
4	Perak	21	18	579 (1)	426 (1)
5	Selangor	214	193	3,777 (9)	2,497 (3)
6	WPKL & Putrajaya	62	51	911 (3)	542
7	N. Sembilan	11	11	148 (1)	246
8	Melaka	9	11	241	162
9	Johor	32	31	565	691 (4)
10	Pahang	17	22	265 (1)	353 (1)
11	Terengganu	8	12	299	290 (1)
12	Kelantan	10	23	461	255 (1)
13	Sarawak	22	25	350	373
14	Sabah	9	8	160 (1)	187
15	WP Labuan	0	1	6	5
	MALAYSIA	453	450	8,404 (18)	6,863 (12)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
17 BAGI TAHUN 2012**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Pusat Bandar	Qrts Kakitangan ATM (Jalan U-Thant)	18	34
2	WPKL	Klang Lama	Asrama Inst Pengajian Bahasa Melayu	10	30